

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH

19 MEI 2020

.....

1. PELANTIKAN PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa Encik Nur Ikram Bin Mohd Nor dan Encik Sharifuddin Bin Sulaman, telah dilantik menjadi Pegawai Teknologi Maklumat (Kontrak) Gred F41 berkuatkuasa 4 Mei 2020. Encik Nur Ikram dan Encik Sharifuddin ditempatkan di Jabatan Teknologi Informasi dan Komunikasi. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan diharapkan dapat menjalankan amanah dengan sebaik-baiknya.

2. MAJLIS CABUTAN PEMENANG PROMOSI HEBAT CABUTAN BERTUAH CUKAI TAKSIRAN MBSP 2020

Sukacita dimaklumkan bahawa MBSP telah berjaya memperolehi kutipan sebanyak RM95.41 juta sepanjang tempoh promosi

bermula 1 Disember 2019 sehingga 29 Februari 2020. Jumlah ini merupakan rekod kutipan tertinggi berbanding rekod kutipan tahun-tahun sebelumnya. MBSP mengucapkan jutaan penghargaan kepada seluruh warga Seberang Perai yang telah menunaikan tanggungjawab untuk membayar cukai taksiran pada masa yang ditetapkan.

Sempena Promosi Cukai Taksiran Tahun 2020 ini, hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan bagi **kategori A** iaitu pembayaran secara online / agen kutipan / kiosk adalah seperti berikut:-

Kedudukan Hadiah	Hadiah
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,000
Tempat Ke-2	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke 3	Wang Tunai RM2,000
Tempat Ke-4 hingga Ke-7	Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-8 hingga Ke-40	Peralatan sukan / rekreasi, perkakasan teknologi maklumat / telekomunikasi serta peralatan rumah & elektrik.

Manakala, lima (5) hadiah telah disediakan bagi **kategori B** iaitu pembayaran cukai taksiran di kaunter MBSP iaitu berupa peralatan elektrik.

Kedudukan Hadiah	Hadiah
Tempat Pertama hingga Ke-5	Philips Airfryer

Jumlah keseluruhan hadiah yang disediakan adalah sebanyak 45 hadiah.

Senarai pemenang Majlis Cabutan Pemenang Promosi Cukai Taksiran 2020 akan ditentukan terus secara *Live* di Facebook MBSP (<https://m.facebook.com/mbsp.pg/>) pada jam 11.15 pagi hari ini.

Sebagai langkah kawalan pencegahan penularan wabak pandemik Covid 19, pemenang yang berjaya akan dihubungi oleh MBSP melalui telefon, surat atau email. Hadiah yang berbentuk wang tunai akan disalurkan secara *Electronic Funds Transfer* (EFT) ke dalam akaun para pemenang. Manakala hadiah berbentuk barangan, para pemenang akan diminta menetapkan temujanji. Urusan tuntutan perlu dibuat dalam

tempoh masa yang ditetapkan. Senarai nama pemenang yang bertuah boleh mula disemak di laman web MBSP www.mbsp.gov.my mulai 20 Mei 2020 (Rabu).

3. PENUNDAAN TARIKH TUTUP ASPIRING SEBERANG PERAI PHOTOGRAPHY (ASP) AWARDS

Dimaklumkan Majlis Bandaraya Seberang Perai dan *Spirit Of Perai* dengan kerjasama Think City Sdn Bhd telah menganjurkan Aspiring Seberang Perai Photography Awards 2020 bermula 20 Februari 2020 sehingga 20 Mei 2020. Tema ASP Awards bagi tahun 2020 adalah My Green Seberang Perai yang mengetengahkan elemen hijau dalam meningkatkan kesedaran di kalangan komuniti untuk menjadikan Seberang Perai bersih dan hijau. Namun ekoran daripada penularan pandemik jangkitan Covid-19 yang melanda negara, Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan ini ingin memaklumkan bahawa tarikh tutup ASP 2020 telah dilanjutkan kepada 20 Oktober 2020.

4. SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2020

Dimaklumkan bahawa seluruh umat Islam dijangka akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 24 Mei 2020 (Ahad) selepas berpuasa selama sebulan. Oleh itu, saya dengan rasa kesyukuran dan rendah hati ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada Barisan Wira Hadapan Covid-19, seluruh warga kerja MBSP dan penduduk Seberang Perai.

Penduduk Seberang Perai diingatkan untuk mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, iaitu elakkan berada di tempat yang sesak atau tertutup. Jarakkan sedikit dan tidak perlulah duduk rapat dengan tetamu yang kunjung ke rumah. Aktiviti ziarah-menziarahi dibenarkan di daerah yang sama pada Hari Raya Pertama sahaja dan tidak dibenarkan merentasi negeri. Had maksimum yang dibenarkan untuk menziarahi adalah sebanyak 20 orang secara berperingkat-peringkat dan bergantung kepada keluasan rumah. Bagi rumah flat SOP yang dibenarkan hanya 7 orang sahaja, manakala rumah teres dibenarkan 20 orang bergantung kepada keluasan rumah tersebut.

Diharapkan perayaan pada tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturahmi sesama kita dan saling menghormati antara satu sama lain.

SEKIAN, TERIMA KASIH.